

SOP DI MASJID TELAH MULA DIPERKETATKAN

Oleh Muhd Kaamil Zulkifli



Suasana di dalam Masjid UIA, Kuantan.

KUANTAN: Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengarahkan agar semua masjid yang terdapat di Malaysia agar memperketatkan lagi SOP untuk memutuskan rangkaian Covid19.

Sukarelawan Pengurusan SOP Masjid UIA, Encik Abdullah Amin berkata, pihak pengurus masjid telah mengarahkan agar semua kakitangan masjid bekerjasama bagi memastikan keadaan masjid itu sentiasa mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak KKM. Hal ini demikian kerana wabak Covid 19 ini telah meningkat secara mendadak sehingga menyebabkan beberapa masjid ditutup atas sebab-sebab tertentu.

Semasa temu bual bersama Encik Amin, beliau berkata bahawa pihak masjid sudah pun mewajibkan agar setiap individu memakai pelitup muka dan membawa sejadah sendiri dari rumah. Akan tetapi ada individu yang memandang remeh tentang SOP ini. Hal ini membuatkan pihak pengurusan masjid terpaksa mengenakan hukuman ke atas individu tersebut seperti tidak membenarkan memasuki masjid atau membeli dahulu pelitup muka di farmasi terdekat.

“Tujuan utama kita memperketatkan lagi SOP di masjid adalah bagi mengelakkan kawasan kita terkena jangkitan Covid 19. Bayangkan jika seorang yang mempunyai simptom Covid 19 memasuki masjid tanpa memakai pelitup muka, berapa ramai yang akan terkena jangkitan dek kerana virus yang sukar dilihat oleh mata kasar manusia,” ujar Encik Amin.



Seorang jemaah sedang scan QR code sebelum memasuki masjid.

“Bukanlah sahaja kita meletakkan QR code dan alat pengukur suhu di masjid akan tetapi ia memudahkan kita untuk mengesan individu yang hadir yang pada hari itu andai kata jika terdapat seorang yang telah dijangkiti Covid 19,” ulas Encik Amin.

Ujarnya lagi jika seseorang melebihi suhu yang telah ditetapkan oleh pihak KKM, individu tersebut tidak boleh memasuki ke dalam masjid berkenaan sebaiknya hendaklah pergi ke klinik berdekatan bagi mendapatkan rawatan.



Pemandangan dari tingkat dua Masjid UIA.